

BERCAKAP DI SESI PERBINCANGAN ANJURAN INSTITUT PENGAJIAN DASAR (IPS)

Pandemik buka ruang bagi masyarakat 'kemas kini sofwe': Lawrence

KRISIS pandemik Covid-19 boleh dilihat sebagai satu peluang untuk membuat "pengemaskinian sofwe" atau permulaan semula bagi masyarakat menyusuli kerosakan dan gangguan yang dicetuskan virus itu.

Demikian kata Menteri Pendidikan dan Menteri Kedua Kewangan, Encik Lawrence Wong (*gambar*), dalam ucapannya sebelum satu sesi dialog di Persidangan Perspektif Singapura 2021 anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) semalam.

Beliau mengetengahkan tiga perkara yang boleh "disetkan semula" – kompak sosial, dorongan bagi sebuah Singapura yang lebih hijau, dan perpaduan sosial. Encik Wong berkata terdapat keperluan bagi gabungan pasaran terbuka dan campur tangan pemerintah yang berkesan untuk

menyediakan situasi yang memberikan peluang adil dan saksama untuk semua berjaya dan membantu rakyat bangkit daripada cabaran.

Namun, pandemik ini telah meningkatkan keperluan lebih besar bagi pemerintah untuk menyediakan sokongan, terutamanya bagi segmen masyarakat lebih memerlukan yang lebih terjejas dengan impak Covid-19.

Beliau menambah bahawa bidang kemampunan juga boleh menjadi satu sumber kelebihan daya saing baru untuk Singapura sebagai sebuah hab perdagangan dan perkhidmatan karbon di Asia dan sebagai pusat utama bagi pembiayaan hijau di rantau dan sejagat.



Laporan Lanjut
– Muka 4